

**UCAPAN BAGI MAJLIS MAKAN MALAM
KEJOHANAN SUKAN KERJA RAYA 2018**

OLEH

**YANG BERTHORMAT BARU BIAN
MENTERI KERJA RAYA**

PADA 16 NOVEMBER 2018

Terima kasih Saudara Pengerusi Majlis,

	Yang Amat Berhormat Dato' Seri Ahmad Faizal Bin Dato' Azumu, Menteri Besar Perak
	Yang Berhormat Howard Lee Chuan How EXCO Pembangunan Belia dan Sukan Negeri Perak
	Yang Berbahagia Dato' Sri Zohari bin Haji Akob Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya
	Yang Berbahagia Dato' Sri Ir. Dr. Roslan bin Md Taha Ketua Pengarah Kerja Raya
	Yang Berbahagia Dato' Sr. Aziz Bin Abdullah Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya

	<p>Yang Berbahagia Dato' Ir. Ahmad 'Asri Bin Abdul Hamid</p> <p>Ketua Eksekutif Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)</p>
	<p>Yang Berusaha Ir. Sazaly bin Saidi</p> <p>Yang Di Pertua Persatuan Syarikat-Syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia</p>
	<p>Yang Berbahagia Tan Sri Tajuddin bin Ali</p> <p>Pengerusi Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)</p>
	<p>Yang Berbahagia Datuk Hj. Sarani bin Dollah</p> <p>Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)</p> <p>Kementerian Kerja Raya</p>
	<p>Yang Berbahagia Dato' Abdul Razak Bin Jaafar</p> <p>Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar & Penswastaaan)</p> <p>Kementerian Kerja Raya</p>
	<p>Yang Berbahagia Dato' Ir. Hj. Ahameed Tarmizi bin Ramli</p> <p>Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri Perak</p>

Ahli-ahli Yang Berhormat, Tan Sri-Tan Sri, Dato'-Dato', Datin-Datin, Ahli-ahli Lembaga Pengarah serta Ketua-Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Konsesi, Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian,

Pertama sekali saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan buat Yang Amat Berhormat Dato' Seri Ahmad Faizal Bin Dato' Azumu, Menteri Besar Perak kerana telah sudi melapangkan masa untuk bersama-sama kita bagi memeriahkan lagi Majlis Makan Malam Kejohanan Sukan Kerja Raya 2018 ini. Walaupun saya tahu, beliau amat sibuk dengan tugas beliau, tetapi YAB masih sudi melapangkan masa bersama kita pada malam ini. Terima kasih Yang Amat Berhormat.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Suka saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua khususnya Kelab Sukan dan Kebajikan Kementerian Kerja Raya dan Persatuan Syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia selaku Jawatankuasa penganjur bersama Jabatan Kerja Raya Negeri Perak selaku tuan rumah, kerana telah bertungkus lumus bagi menjayakan Kejohanan Sukan Kerja Raya 2018 pada kali ini. Ribuan terima kasih juga kepada Kerajaan Negeri Perak dan Majlis Bandaraya Ipoh di atas segala kemudahan infrastruktur sukan yang lengkap dan selesa yang telah diguna pakai sepanjang

Kejohanan ini. Saya yakin dan percaya, Kejohanan ini sudah pasti tidak akan dapat dilaksanakan dengan jayanya tanpa kerjasama semua pihak. Semoga Kerajaan Negeri Perak ini akan terus aman dan makmur. Sesungguhnya kejayaan penganjuran kejohanan sukan pada kali ini merupakan hasil daripada kerjasama yang diberikan oleh tuan-tuan dan puan-puan di pelbagai peringkat, sama ada di peringkat atasan mahupun sebaliknya. Ini membuktikan bahawa sekiranya kita bersama-sama bekerja dan bersatu padu dalam melaksanakan apa-apa jua tugas yang diberikan, ianya akan membuahkan hasil seperti yang kita semua harapkan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Sedang asyik kita sibuk bersukan, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengingatkan tuan-tuan dan puan-puan sekalian supaya janganlah kita lupa akan tanggungjawab kita kepada rakyat. Baik kepada agensi-agensi di bawah Kementerian Kerja Raya mahupun kepada syarikat-syarikat konsesi yang telah diamanahkan untuk menjaga lebuh raya bertol sehingga tamat konsesinya, termasuklah juga syarikat-syarikat konsesi yang telah diamanahkan untuk menyelenggara aset-aset kerajaan sama ada Jalan Persekutuan mahupun Bangunan Gunasama. Tanggungjawab tuan-tuan dan puan-puan untuk menjaga

aset-aset kerajaan ini tidak seharusnya diambil mudah. Aset-aset ini perlu dijaga dan diselenggara dengan sempurna supaya ianya sentiasa berada dalam keadaan baik, selesa dan selamat untuk digunakan oleh rakyat.

Pihak syarikat adalah dimohon untuk menerapkan budaya inovasi dalam pelaksanaan kerja bagi memaksimumkan output atau impak kepada rakyat.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Sepertimana semua sedia maklum, esok adalah merupakan hari terakhir Kejohanan Sukan Kerja Raya 2018 ini. Saya percaya setiap pasukan yang bertanding mempunyai 1001 kenangan. Baik yang manis mahupun sebaliknya. Buat pasukan yang berjaya jutaan tahniah saya ucapkan. Saya yakin dan percaya pasukan yang telah meraih kejayaan memungut pingat emas bagi acara yang dipertandingkan, bukan sahaja telah berjaya mempunyai strategi yang berkesan, tetapi mempunyai tahap disiplin yang tinggi terutamanya sewaktu sesi latihan secara berpasukan.

Saya difahamkan menjelang esok pagi, masih terdapat beberapa acara akhir yang akan dipertandingkan iaitu golf, mountain bike, dan bola tampar lelaki. Bagi yang akan bertanding pada perlawanan akhir pada esok hari, selamat maju jaya saya ucapkan.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Sekali lagi saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua peringkat ahli jawatankuasa dan kepada kesemua 31 kontinjen yang telah mengambil bahagian dalam Kejohanan Sukan Kerja Raya 2018 ini. Selamat menjamu selera sambil menyaksikan persembahan sebentar lagi.

Sekian, terima kasih.